

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 APRIL 2014 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1	TPM komited lahir 60 usahawan teknologi tahun ini	Kosmo
2	Sasar lahir 100 usahawan teknologi	Berita Harian
3	TPM lancar program Keusahawanan Maya	Utusan Malaysia
4	TPM sasar untuk bentuk 60 usahawan teknologi baharu melalui IVM tahun ini	Bernama.com
5	Ubah persepsi terhadap Islam	Utusan Malaysia
6	Singapura tuan rumah Mesyuarat Jawatankuasa Sains dan Teknologi Asean ke-67	Bernama.com
7	TPM yakin bangunkan 60 usahawan IVM	Sinar Harian
8	Pahang to farm potential of bioeconomy	New Straits Times
9	Water everywhere but...	The Sun
10	Memori pembantu rumah Karpal tidak konsisten	Utusan Malaysia
11	CGC lantik Mohd Nasir dan Mohamed Rashdi Pengarah bukan Eksekutif	Bernama.com
12	Govt must explain RM150m grant	The Sun
13	Ministry: No grant given to 'Najib-favoured' firm	MalaysiaKini
14	MOSTI akui terima surat Najib, nafi keluar geran RM100 Juta kepada NSERC	The Malaysian Insider
15	Bank-rejected firm got RM150 million from Putrajaya, not RM100 million, says PKR	The Malaysian Insider
16	NSERC terima geran Putrajaya RM150 juta, bukan RM100 juta, kata PKR	The Malaysian Insider
17	Putrajaya doled out RM150M for RM130M project rejected by banks, Rafizi alleges	Malay Mail Online
18	Rafizi: NSE Resources received additional RM50 Million grant	Free Malaysia Today

**KERATAN AKHBAR
KOSMO (NIAGA) : MUKA SURAT 55
TARIKH: 24 APRIL 2014 (KHAMIS)**

TPM komited lahir 60 usahawan teknologi tahun ini

Oleh FAHMY AZRIL ROSLI
azril.rosli@kosmo.com.my

KUALA LUMPUR – Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM) komited untuk melahirkan 60 usahawan dalam bidang teknologi maklumat (ICT), kejuruteraan, bioteknologi dan teknologi hijau pada tahun ini.

Ketua Pengarah Bahagian Inkubasi dan Usahawan Teknologi TPM, Azra'i Shu'ib berkata, usaha itu bakal direalisasikan menerusi pengenalan program baharu Program Keusahawanan Maya iaitu Model Inkubator Virtualisasi (IVM) yang mampu melahirkan dan mewujudkan ramai usahawan baharu.

"Inisiatif TPM dengan menghasilkan model perniagaan yang pertama di Malaysia menghubungkan kerjasama strategik perkhidmatan maya untuk usahawan teknologi mendapatkan bimbingan daripada inkubator tan-



ABU BAKAR mencuba kendaraan beroda tiga yang menggunakan tenaga elektrik sepenuhnya selepas merasmikan program IVM di Kuala Lumpur semalam.

pa berada di premis pejabat.

"Bagi individu yang baru bergelar usahawan, mereka digalakkan untuk menyertai program ini kerana ia me-

nawarkan penjimatan kos dan harga yang berpatutan sebagai penyelesaian kepada pelaburan modal terhad.

"Ini bersesuaian dengan

usaha teknologi yang memerlukan khidmat sokongan atau bantuan berterusan termasuklah akses infrastruktur, pembiayaan, kepakaran dan pasaran dari pihak TPM," katanya.

Beliau berkata kepada pemberita pada sidang akhbar selepas pelancaran Model Inkubator Virtualisasi di sini semalam.

Hadir sama merasmikan pelancaran tersebut ialah Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Abu Bakar Mohamad Diah.

Menurut Azra'i, individu yang berhasrat menyertai program ini mestilah bergelar usahawan teknologi yang memiliki idea bernes dan inovatif.

IVM boleh didapati dalam dua pakej dengan harga RM135 dan RM295 meliputi latihan perundingan, penggunaan kemudahan, dan pengrusaan pembungkusan menerusi permohonan secara atas talian di www.tpm.com.my.

Sasar lahir 100 usahawan teknologi

» Pelaksanaan Model Inkubator Maya permudah akses kaedah perniagaan

Oleh Norakmah Mat Youb dan Siti Nursyazwani Mahalil
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) menyasarkan melahirkan lebih 100 usahawan dalam tempoh tiga tahun ini.

Ia dijangka dicapai menerusi pelaksanaan Model Inkubator Maya (IVM) yang direka khusus

bagi usahawan teknologi untuk mengakses kaedah perniagaan yang praktikal di hujung jari.

Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Azman Shahidin, berkata IVM adalah gabungan Penyelesaian Berspadu Perniagaan (IBS) dan Perniagaan Rangkaian Perkongsian Pengetahuan (BNEX) yang membolehkan usahawan lebih berdaya saing.

32 produk pembangunan

Katanya, model itu membolehkan usahawan, penyelidik dan syarikat baharu mengakses rangkaian penuh perkhidmatan perniagaan maya dari peringkat penjanaan idea sehingga dikomersialkan.

"Model perniagaan ini sesuai dengan usahawan teknologi yang mahu kerjasama strategik dan menawarkan bimbingan secara maya, baik dari pejabat mereka

atau di rumah.

"Pada tahun ini saja kita sasar sebanyak 60 usahawan teknologi dilahirkan menerusi model ini termasuk dalam bidang Bioteknologi dan Sains Hayat, Teknologi Komunikasi dan Maklumat serta Kejuruteraan Lanjutan," katanya, semalam.

Majlis pelancaran IVM dan Galeri Pengkomersialan Produk disempurnakan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Da-

tuk Abu Bakar Mohamad Diah.

Turut dilancarkan, tiga produk baru peserta inkubator TPM iaitu Evenesis, Mobile Business Apps dan GuruBestari Apps.

Produk berteknologi tinggi

Abu Bakar berkata, sebanyak 32 produk pembangunan dan penyelidikan tempatan berjaya dikomersialkan sehingga kini daripada sasaran kementerian sejumlah 60 produk menjelang akhir tahun.

Sehingga Februari lalu, kata-

nya, kementerian berjaya mengkomersialkan 78 produk dalam Rancangan Malaysia Ke-10 (RM-Ke-10), dengan hasil jualan RM332 juta.

"Kementerian akan terus melabur untuk menghasilkan lebih banyak produk inovasi dan berteknologi tinggi bagi membantu mencapai sasaran status negara maju," katanya.



**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 8
TARIKH : 24 APRIL 2014 (KHAMIS)**

TPM lancar Program Keusahawanan Maya



ABU Bakar Mohd. Diah (dua dari kiri) mencuba prototaip M1P pistol buatan Malaysia yang pertama selepas merasmikan Majlis Pelancaran Incubator Virtualisation Model (IVM) dan Galeri Produk Resource Centre di Technology Park Malaysia, Bukit Jalil, Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 23 April - Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. (TPM) hari ini melancarkan Program Keusahawanan Maya (IVM) bagi melahirkan lebih ramai usahawan baru dalam bidang teknologi dan inovasi untuk menyumbang kepada perkembangan industri di negara ini.

Program model perniagaan ini yang membolehkan kerjasama strategik perkhidmatan maya untuk usahawan teknologi dan inovasi mendapatkan bantuan kemudahan khidmat nasihat berkenaan sokongan dana dan perkhidmatan lain seperti penggunaan pejabat atau kubikel bagi tujuan pembelajaran dalam bidang berkaitan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohd. Diah berkata, program ini juga mengandungi pelan pelaksanaan khusus untuk memberi bimbingan keusahawanan dari segi pemasaran produk.

"Usahawan bidang berkaitan yang berdaftar dengan program ini bakal menerima bantuan kemudahan inkubator serta perkongsian maklumat," katanya dalam sidang akbar selepas melancarkan program tersebut di TPM Bukit Jalil di sini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Mohd. Azman Shahidan dan Pengurus Besar Inkubator dan Pembangunan Teknopreneur, Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Taman TPM, Azrai Shuib.

Mohd. Azman berkata, program baharu itu sesuai dengan usahawan teknologi yang memerlukan perkhidmatan dan bimbingan yang ditawarkan tetapi masih mahu mengekalkan pejabat mereka sendiri atau bekerja dari rumah.

Turut berlangsung adalah pameran 257 produk teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), kejuruteraan, bioteknologi dan teknologi hijau daripada 47 buah syarikat teknologi dan inovasi tempatan.

"Dengan pelancaran IVM, diharapkan dapat membantu melahirkan lebih ramai usahawan teknologi dalam bidang ICT, bioteknologi dan kejuruteraan dalam tempoh tiga tahun akan datang," katanya.

Bagi usahawan yang bermingat untuk mengikuti program berkenaan boleh menghantarkan permohonan ke www.virtualincubation.tpm.com.my atau hubungi 03-89923000.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 24 APRIL 2014 (KHAMIS)



TPM Sasar Untuk Bentuk 60 Usahawan Teknologi Baharu Melalui IVM Tahun Ini

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Inkubator dan taman teknologi terulung di Malaysia, **Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd**, menasarkan untuk membentuk 60 usahawan teknologi baharu tahun ini melalui Model Inkubator Maya (IVM) yang baru dilancarkan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Azman Shahidin berkata program perintis IVM yang bermula pada Disember 2012 dan dibuka kepada orang ramai pada Jun tahun lepas, menerima sambutan positif daripada 25 pengguna inkubator baharu.

Model baharu ini sesuai untuk usahawan yang memerlukan khidmat sokongan inkubator yang relevan tetapi masih mahu mengekalkan pejabat mereka sendiri atau mahu bekerja dari rumah, katanya kepada pemberita pada majlis pelancaran IVM itu hari ini.

Azman berkata program IVM ini merangkumi dua perkhidmatan iaitu Penyelesaian Bersepadu Perniagaan dan Pertukaran Pengetahuan Rangkaian Perniagaan yang dibangunkan untuk memberikan usahawan daya saing.

IVM disediakan dalam dua pakej iaitu pejabat maya dan perkhidmatan sokongan maya yang di caj secara bayaran bulanan masing-masing pada harga RM295 dan RM135.

"Bayaran itu berpatutan serta menjimatkan kos dan merupakan penyelesaian yang paling berkesan untuk syarikat baharu dan individu yang menghadapi masalah akibat pelaburan modal yang terhad," katanya.

TPM yang merupakan sebuah agensi di bawah kuasa **Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**, memiliki perkhidmatan infrastruktur, kemudahan dan sokongan bersepadu untuk membantu usahawan teknologi dan usahawan yang berminat untuk mengkomersilkan idea-idea mereka dalam empat kelompok industri iaitu teknologi maklumat dan komunikasi, teknologi kejuruteraan, bioteknologi dan teknologi hijau.

Azman berkata IVM terbuka kepada semua usahawan teknologi yang mempunyai idea yang berdaya maju dan boleh dijual, dan mereka disokong oleh pasukan sandaran yang bagus, bersemangat dan kompeten.

Sementara itu, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Abu Bakar Mohamad Diah yang merasmikan IVM itu turut melancarkan pengkomersilan produk peserta inkubator TPM selari dengan program pengkomersilan 2014 kementerian itu.

Produk tersebut ialah Evenesis yang dibangunkan oleh Y Us Sdn Bhd, Mobile Business App oleh SME Cloud Sdn Bhd dan aplikasi GuruBestari oleh Akriz Sdn Bhd.

Abu Bakar berkata sebanyak 32 produk telah dikomersilkan setakat ini tahun ini dan kementerian itu menyasarkan untuk mengkomersilkan 60 ciptaan tempatan khususnya melalui inovasi teknologi tahun ini.

Dalam Rancangan Malaysia ke-10, kementerian telah mengkomersialkan 78 produk, dengan jualan bernilai RM332 juta, katanya.

Kementerian akan terus melabur dalam produk-produk inovatif, berteknologi tinggi dan berimpak tinggi untuk membantu Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, katanya.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 28
TARIKH : 24 APRIL 2014 (KHAMIS)

DMDI mampu lahirkan personaliti bersifat inovatif, kreatif

Ubah persepsi terhadap Islam

Oleh FADZLY IZAB

utusanmelaka@utusan.com.my

MELAKA 23 April - Peranan kreatif dan inovatif dimainkan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) dapat membantu mengubah persepsi masyarakat dunia terhadap Islam terutama dari segi pencapaian.

Ketua Menteri, Datuk Seri Idris Haron berkata, sudah tiba masanya masyarakat membuktikan kepada dunia bahawa Islam mempunyai keistimewaan yang tersendiri.

Menurutnya, dengan jumlah hampir 300 juta umat Melayu Islam di seluruh dunia, lebih banyak pencapaian membanggakan boleh dicipta seterusnya melonjakkan Islam menjadi gah.

Malah katanya, melalui peranan DMDI juga akan berupaya menukar masalah yang dihadapi masyarakat Islam hari ini kepada peluang.

"Saya yakin serta percaya DMDI dapat melahirkan personaliti bersifat inovatif dan kreatif yang boleh merangka program lebih bermakna bagi faedah bersama umat Islam di seluruh dunia.

"Peranan tersebut seterusnya akan menjadikan umat Islam di 18 buah negara DMDI ini lebih agresif, berfikiran terbuka serta berani menghadapi persaingan daripada masyarakat luar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar Antarabangsa Sains, Teknologi dan Inovasi di Auditorium Rumah Media, Ayer Keroh, di sini semalam.

Yang hadir sama Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah; Presiden DMDI, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam dan Naib Pengurus DMDI, Prof. Datuk Mohd. Jamil Mukmin.

Idris berkata, umat Islam dan Melayu perlu mengelak daripada tiga kepercayaan meracuni jiwa sehingga menyekat mereka untuk berjaya.

"Umat Islam sendiri percaya mereka tidak boleh melakukan apa-apa kerana jahil, mereka tidak boleh mencapai kejayaan kerana miskin dan mereka tidak boleh menjadi hebat kerana wujudnya penjajahan.

"Tiga kepercayaan ini wajar dikikis daripada pemikiran umat Islam kerana apabila minda tersebut dan mundur, penjajahan baharu ke atas umat Melayu Islam lebih mudah," tegasnya.

Katanya, seminar antarabangsa itu diharap dapat membuka lembarnya baharu serta perkongsian ilmu pengetahuan berkenaan idea kreatif dan inovatif dalam kalangan negara anggota DMDI.



IDRIS Haron memukul gong sebagai simbolik perasmian Seminar Antarabangsa Sains, Teknologi dan Inovasi sambil disaksikan Mohd. Ali Rustam (kanan) dan Abu Bakar Mohamad Diah (kiri) di Ayer Keroh, Melaka, kelmarin.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 24 APRIL 2014 (KHAMIS)



Singapura Tuan Rumah Mesyuarat Jawatankuasa Sains Dan Teknologi Asean Ke-67

Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah

SINGAPURA, 23 April (Bernama) -- Singapura menjadi tuan rumah bagi Mesyuarat Jawatankuasa Sains dan Teknologi Asean ke-67 (COST-67) yang bermula Isnin hingga Jumaat ini.

Mesyuarat itu yang dihadiri hampir 200 pembuat dasar utama, para saintis dan ahli akademik dianjurkan oleh Agensi Sains, Teknologi dan Penyelidikan Singapura (A*STAR) dan Kementerian Perdagangan dan Industri (MTI).

Ia bakal menyaksikan para pegawai kanan dari 10 negara anggota membincangkan strategi untuk mengukuhkan keupayaan Asean dalam sains dan teknologi.

Mesyuarat itu akan mengkaji semula Pelan Tindakan bagi Sains, Teknologi dan Inovasi 2015-2020 Asean, yang akan berfungsi sebagai pelan tindakan bagi fasa seterusnya usaha sains dan teknologi Asean.

Lapan jawatankuasa kecil di bawah bidang kuasa Asean COST, yang bertemu pada 21-22 April, juga akan membentangkan kemajuan laporan mengenai bioteknologi, penyelidikan tenaga lestari, mikroelektronik dan teknologi maklumat, serta sains dan teknologi marin.

Mesyuarat itu juga akan membincangkan inisiatif bagi menggalakkan tenaga kerja muda untuk menceburi bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik serta penyelarasaran standard teknikal di seluruh Asean.

Dalam ucapan pembukaan beliau, Pengurus COST Singapura dan Pengarah Urusan A*STAR Dr Raj Thampuran berkata komitmen padu kepada sains dan teknologi mencetuskan daya saing syarikat dan mewujudkan pekerjaan berkualiti.

Malaysia diwakili oleh Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Dr. Rosli Mohamed.

TPM yakin bangunkan 60 usahawan IVM

■ CONNIE S MONICAL

TECHNOLOGY Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM) yakin akan membangunkan 60 usahawan menerusi program Model Inkubator Maya (IVM) menjelang akhir tahun ini.

Pengurus Besar Inkubator dan Pembangunan Teknoprenur Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan TPM Azrai Shuib berkata, program ini akan memberikan ruang kepada usahawan untuk memulakan perniagaan dengan mendapatkan bimbingan secara maya.

"Selain itu, ia juga memberi sokongan seperti membantu mereka membangunkan produk daripada mula hingga akhir yang akan menjimatkan waktu dan kos usahawan di mana sahaja," katanya selepas majlis pelancaran



TECHNOLOGY PARK
MALAYSIA

Program Keusahawanaan IVM dan Galeri Pengkomersilan Produk di Kuala Lumpur semalam.

Menurut Azrai, program IVM dibuka kepada usahawan berdasarkan teknologi seperti ICT, kejuruteraan, bioteknologi dan teknologi hijau.

Program Keusahawanaan IVM dibuka kepada umum pada Julai tahun lalu dan telah menerima sebanyak 22 pendaftaran inkubator baru.

Turut dipamerkan dalam majlis pelancaran itu 255 produk daripada 41 syarikat yang terdiri daripada 32 produk teknologi maklumat (ICT), 61 produk kejuruteraan, 155 bioteknologi dan tujuh

produk teknologi baru.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif TPM Datuk Azman Shahidin berkata, IVM pada asasnya disasarkan kepada generasi Y, penyelidik dan syarikat baru yang membolehkan mereka mendapat akses kepada rangkaian penuh perkhidmatan maya dan program daripada peringkat penjanaan idea sehingga ke peringkat pengkomersilan.

"Kami yakin penjimatkan kos dan haraga yang berpatutan (untuk program IVM) akan menjadi penyelesaian kepada syarikat baru yang mempunyai kekangan pelaburan," katanya.

Perkhidmatan IVM boleh didapati menerusi dua pakej iaitu pejabat maya dan perkhidmatan maya sokongan dengan caj bulanan masing-masing RM295 dan RM135.

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES (COMMENT) : MUKA SURAT 16
TARIKH : 24 APRIL 2014 (KHAMIS)

Pahang to farm potential of bioeconomy

GOVT INITIATIVE:

Opportunities for state in Bioeconomy Transformation Programme

WITH almost two-thirds of its land area covered by forests, Pahang has a treasure trove of biodiversity. The state is in the best position to capitalise on the Bioeconomy Transformation Programme (BTP).

A two-day workshop on BTP recently revealed that the bioeconomy in Malaysia is worth more than RM14.6 billion and has created more than 83,000 jobs.

Malaysian Biotechnology Corporation Sdn Bhd (BiotechCorp) describes bioeconomy as economic activity that is derived from the

commercial application of biotechnology, encompassing the production of renewable biological resources and their conversion into food, feed, chemicals, energy and health care and wellness products.

BiotechCorp chief executive officer Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal said bioeconomy projects were expected to generate more than RM5 billion worth of investments in the East Coast Economic Region (ECER) with several multinational companies agreeing to set up manufacturing facilities in the area.

With abundant resources and infrastructure support, ECER could emerge as the key centre for bio-based economy, while Pahang is ideally positioned to reap the benefits from the sector.

It is something that cannot be ignored because the fast development of the biotech industry in the east coast has spurred the growth of biotechnology centres in ECER, such as the Kertih Biopolymer Park, Kuantan Integrated Park, Gambang Halal Park and the Malaysia-China

Kuantan Industrial Park.

Apart from its role as a key contributor to growth, bioeconomy also benefits the nation through breakthroughs in agricultural productivity and healthcare, and the adoption of sustainable industrial processes.

It will also help nations face global challenges caused by the increasing population, depletion of natural resources and climate change.

The Organisation for Economic Cooperation and Development has estimated that bioeconomy's global contribution to gross domestic product will reach an average of 2.7 per cent by 2030.

Recognising the significance of a bio-based economy, major world economies, such as the United States and the European Union, have initiated their bioeconomy

plans in recent years with US President Barack Obama unveiling a National Bioeconomy Blueprint two years ago.

Aspiring to be one of the biotechnology hubs in the region, Malaysia has implemented the BTP, a platform for the private sector to channel and maximise commercial opportunities based on biotechnology.

BiotechCorp, the lead biotech development agency in the country, will also ensure that the government and leading industry players work in tandem for the application of biotechnology in agriculture production, industrial manufacturing and human health.

It will also put in place structural conditions and mechanisms to ensure that policy can adapt to new opportunities.

Nazlee said BTP was one of the

strategies under the Economic Transformation Programme (ETP) and the government has targeted that it would contribute RM43 billion to the gross national income by 2020, draw RM15 billion worth of investments and create 160,000 high-quality jobs.

In addition to the biotechnology industry, BTP also focuses on other sectors that produce, manage and utilise biological resources, including agriculture, forestry, fisheries, food production, health care, chemicals and renewable energy.

To help local biotechnology companies to grow, BiotechCorp will introduce a special branding for their products.

Among those who will benefit from the initiatives are small- and medium-sized industries in the east coast, including Pahang-based companies that develop and produce health supplements from the rich fauna and flora in Pahang, like *tongkat ali* and *kacip fatimah*.

hamzah@nst.com.my.



ON THE FRONTLINE
with
**M. Hamzah
Jamaludin**
**NST Pahang
bureau chief**



Water everywhere but ...

BY PETRA GIMBAD



Freespace
Where young views rule

CURATED a Twitter account that provides book reviews recently, which also allowed me to chat about issues.

The Klang Valley water shortage raised a flurry of responses, ranging from cheeky to morose.

"This is the North. (Kelantan) We don't get water problems here."

"I just bought a 38 gallon container to store water." When pressed for more information, the person proffered, "It has a cover." This was a solution to prevent mosquitoes from breeding.

I have water envy, particularly of friends living in apartment complexes with foresight. Every now and then you are reminded, "We never have water problems, our tank has three days capacity!"

Or better still, "We live in a complex without many people and our neighbours don't use much. So, we always have enough."

Therefore, unless you can afford eating out often, have a fantastic water storage system or have very nice neighbours - much of life outside of the home halts when water is available.

When there is water, everyone is whipped into a frenzy. My family and I call out, or receive calls from friends and family, to say, "Water has arrived!"

People start cleaning, cooking meals for reheating, or hoarding water in every pail, pot and plastic container that one can find.

Conversations are reduced to: grumbling about water shortages, sharing water saving tips or spying on the neighbours' water habits.

Those who can afford to, advise that it is best to eat out on rationing days. However, food-scrounging has a tendency of turning into high drama.

We feel sympathy, as we pass eateries in an area experiencing rationing, at the thought of so much income lost for its owners, the struggling workers and families.

We experience fury, when we stumble upon the odd restaurant that still serves food - and find that its toilets are locked to conserve water.

You can see how the water shortage is transforming conversations.

My grandmother and aunts, water thrifters their entire lives, share advice on water conservation. "We use laundry water to wash outside, and water from the final rinse to mop the floors," they tell neighbours.

True to the family spirit, my mother and I continue our normal practice of bringing the buckets and basins out to collect rain.

After years of being labelled as stingy and calculating, revenge is ours.

Various friends are coming out of the woodwork, admitting to life-long and hidden toilet habits: "When yellow, let it mellow. When brown, flush it down."

(I strongly advise keeping a bottle of cheap vinegar to brush and remove stains if you do this, which may not be a big deal if you share a house with your family.)

Homemakers chat to the domestic help, who are in charge of housework and hoarding water, to exchange water woes.

A domestic help shared that she was glad for the shortages. "I used to mop the house and wash all the cars, every single day. Now, I get a bit of a rest."

Another domestic help said exhaustedly, "I don't have a choice. I still have to do it, and the family that I work for, uses water like crazy. So I have to reuse water to clean and I cannot tell them because they will get mad at me."

Seriously - despite past water shortages, public dissatisfaction was insufficient for existing legislation and sustainable practices to be enforced. We must keep requesting MPs to raise the issue of conserving water catchment areas.

According to the Malaysian Meteorological Department, annual rainfall averages at 279 days a year at its highest and 120 days at its lowest.

This must be harnessed, given that too few homes practise rainwater harvesting. While incentives can be given to existing homes to do so manually and to install such systems, we may be at the point where we have to consider making such systems compulsory in new buildings.

We cannot rely on individuals to conserve water; instead, we must systemise reduction of wastage. Installing rainwater harvesting systems has been made compulsory in the construction of new buildings in states facing difficulties.

Back when the Malacca water emergency was declared in 1991 - where washing your car or watering the plants could land you with a RM300,000 fine and three years imprisonment - one wonders, why have we not learnt to conserve water and to improve our water infrastructure?

The writer's aunt requested her to stop writing about sexual assault and to write about the water shortage instead.
Comments: letters@thesundaily.com

**KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 10
TARIKH: 24 APRIL 2014 (KHAMIS)**

Memori pembantu rumah Karpal tidak konsisten

IPOH 23 April - Polis masih tidak boleh merekodkan keterangan pembantu rumah warga Indonesia yang terlibat dalam nahas kemalangan bersama bekas Pengerusi DAP, mendiang Karpal Singh kerana wanita tersebut mempunyai ingatan yang tidak konsisten ketika ini.

Ketua Polis Daerah Kampar, Supritendan Ng Kong Soon berkata, Selfiana Rengga, 26, yang selamat menjalani pembehdahan mengeluarkan kaca dari pada matanya juga belum stabil berikutan impak kemalangan tersebut terhadap otaknya.

"Doktor cakap mungkin kena biarkan dia berehat dalam seminggu lagi kerana kadang-kadang dia ingat dan kadang tak ingat.

"Berkenaan sampel urin pemandu lori yang dirempuh oleh Toyota Alphard dinaiki Karpal sewaktu kemalangan tersebut, pihak polis masih menanti keputusannya daripada Jabatan Kimia Malaysia Cawangan Ipoh dan mungkin diperoleh selepas sebulan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas menghadiri majlis penutup Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Pangkalan Latihan Pasukan Gerakan Udara di sini hari ini.

Majlis disempurnakan oleh Ketua Polis Perak, Datuk Acryl Sani Abdullah Sani dan turut dihadiri oleh Ketua Jabatan Siasatan negeri, Datuk Mohd. Dzuraidi Ibrahim.

Pada majlis tersebut, Jabatan Pengurusan Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak dan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tanjung Malim masing-masing muncul sebagai juara untuk kategori pengurusan dan teknikal.

IPD Tanjung Malim yang memperkenalkan *casing protector* dengan ciri mudah dibawa serta kalis air, dilihat ideal untuk melindungi bahan kes di tempat kejadian sebagai alternatif kepada penggunaan surat khabar, payung, daun pisang atau plastik hitam, ketika ini.

Sementara itu, Jabatan Pengurusan IPK Perak yang memperkenalkan 'e-Baka', membolehkan persoalan agama dijawab secara dalam talian di bawah kelolaan Bahagian Agama dan Kaunseling PDRM kontinjen Perak.

Selfia dan mendiang Karpal terlibat dalam nahas ke malangan di Kilometer 306.1 Lebuh Raya Utara Selatan (Plus) menghala ke arah utara berdekatan Gua Tempurung, awal pagi Khamis lalu.

Selain Ahli Parlimen Bukit Gelugor itu, kemalangan tersebut turut mengorbankan pembantunya, Michael Cornelius.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 24 APRIL 2014 (KHAMIS)



CGC Lantik Mohd Nasir Dan Mohamed Rashdi Pengarah Bukan Eksekutif

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Credit Guarantee Corporation Malaysia Bhd (CGC) melantik Datuk Mohd Nasir Ahmad dan Mohamed Rashdi Mohamed Ghazalli sebagai Pengarah Bukan Eksekutifnya.

"Mohd Nasir memiliki pengalaman luas selama 35 tahun dalam bidang pembiayaan konvensional dan perakaunan.

"Beliau pernah menerajui syarikat seperti Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Sharikat Permodalan Kebangsaan Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif," kata CGC dalam satu kenyataan di sini, Rabu.

Ketika ini beliau memegang jawatan sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Bina Darulaman Berhad, Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME Bank), [MIMOS Berhad](#), Sumatec Resources Berhad dan Prokhas Sdn Bhd.

Sementara itu, Mohamed Rashdi Mohamed Ghazalli, tokoh terkemuka dalam bidang ekonomi dan pelaburan, pernah berkhidmat dengan Telecoms Australia di Melbourne serta dengan Coopers and Lybrand di London, United Kingdom.

Ketika ini Mohamed Rashdi memegang jawatan sebagai pengarah bebas [Malaysia Venture Capital \(Mavcap\) Berhad](#) serta Barclays Capital Management Malaysia Sdn Bhd, anak syarikat Barclays Plc.

--BERNAMA

Govt must explain RM150m grant

> R&D funds given to a private company, claims Rafizi

BY ELLY FAZANIZA
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: The government has been asked to explain why large research and development (R&D) grants were awarded by two different ministries to a private company, which is believed to have been refused a commercial loan.

In claiming this, PKR director of strategy Rafizi Ramli (pix) alleged yesterday that these grants - from the Science, Technology and Innovation

Ministry (Mosti) and the Energy, Green Technology and Water Ministry (Keetha) totalling RM150 million - were awarded for a gasifier steam boiler plant project in Kerteh, Terengganu.

The funds were awarded separately, with RM100 million from Mosti and RM50 million from Keetha, for the same project, he said at a press conference here yesterday.

This was revealed in a letter from the company to the Terengganu state government dated Jan 27 and which was given to the press.



"This shows that a private company has succeeded in obtaining public funds totalling RM150 million to operate its commercial project from two different ministries," Rafizi said, adding that the amount exceeded the projected cost of

RM130 million.

"The amount given is large and it is unwise to allocate it to a commercial project like this," he said.

He hoped a special panel from the Auditor-General's office would be formed to

conduct an investigation on his claims.

A report with the Malaysian Anti-Corruption Commission will be lodged next week, he added.

In an immediate response, a Mosti representative, who declined to be named, said the ministry is aware of the allegation but refuses to elaborate.

The company representatives could not be reached for comments while Energy, Green Technology and Water Minister Datuk Seri Dr Maximus Ongkili's press secretary, Jane Ritikey, said the minister is on the way to Singapore for a forum and will not issue a statement until a full inquiry had been conducted.

KERATAN AKHBAR
MALAYSIA KINI.COM <http://www.malaysiakini.com/news/260798>
TARIKH : 24 APRIL 2014 (KHAMIS)

malaysiakini
terkini untuk anda

MOSTI nafi beri geran kontroversi, edar senarai



Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menafikan mengeluarkan dana RM100 juta kepada sebuah syarikat menerusi geran kajian dan penyelidikan (R&D) seperti didakwa pengarah strategi PKR Rafizi Ramli.

Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, walaupun menerima surat 'pertimbangan' daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM), sesebuah syarikat perlu memohon dan menepati syarat MOSTI terlebih dahulu.

"Surat pertimbangan ini biasa. Orang kampung pun bagi. Tapi kena ikut syarat dulu."

"Sampai sekarang syarikat NSE Resources Corporation tak pernah pun memohon dana daripada kita," kata beliau dalam sidang media di Taman Teknologi



Malaysia, Bukit Jalil hari ini.

Abu Bakar berkata, MOSTI langsung tidak pernah menyembunyikan sebarang penerima dana kementerian itu.

Malah beliau turut mengedarkan tiga jilid buku tebal yang memberi maklumat teliti mengenai kesemua 4,566 penerima dana bernilai RM 2.9 bilion bawah MOSTI dalam Rancangan Malaysia ke-9.

Rafizi sebelum ini mendakwa berlaku penyalahgunaan geran R&D bernilai RM100 juta apabila dianugerahkan untuk sebuah projek komersial.

Beliau malah mengaitkan perdana menteri dalam kes itu yang didakwa mengeluarkan 'arahan' berkaitan.

'Maaf 1,000 kali di FB'



Abu Bakar berkata, MOSTI menetapkan beberapa syarat utama serta menggunakan penilaian pakar bebas sebelum memanggil syarikat membuat pembentangan kepada kementerian bagi memastikan mereka layak.

"Antara syarat utama kita adalah kuantum maksimum dana sebanyak RM3 juta. Tak boleh lebih kecuali agensi *flagship* MOSTI. Dan bukan dapat semua sekali gus.

Justeru beliau mahu Rafizi menarik balik dan memohon maaf kepada MOSTI kerana membuat dakwaan yang tidak benar kepada kementerian.


Bagaimanapun Abu Bakar berkata tidak mempunyai rancangan untuk membuat sebarang tindakan undang-undang setakat ini.

"Dia (Rafizi) boleh tulis (maaf) di Facebook dia seribu kali," seloroh beliau.

**BERITA ONLINE
MALAYSIAKINI**
<http://www.malaysiakini.com/news/260800>
TARIKH: 24 APRIL 2014 (KHAMIS)



Ministry: No grant given to 'Najib-favoured' firm



The Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti) has denied a PKR leader's allegation that it had given Pahang-based company NSE Resources Corporation a RM100 million grant for research and development purposes.

Please [login](#) to read full story.

**BERITA ONLINE
THE MALAYSIAN INSIDER**

[http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mosti-akui-terima-
surat-najib-nafi-keluar-geran-rm100-juta-kepada-nserc](http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mosti-akui-terima-surat-najib-nafi-keluar-geran-rm100-juta-kepada-nserc)

TARIKH: 24 APRIL 2014 (KHAMIS)



MOSTI AKUI TERIMA SURAT NAJIB, NAFI KELUAR GERAN RM100 JUTA KEPADA NSERC

April 23, 2014



Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), Datuk Dr Abu Bakar Mohd Diah (gambar) mengakui menerima surat pertimbangan daripada Jabatan Perdana Menteri (JPM) tetapi nafi mengeluarkan geran RM100 juta penyelidikan dan pembangunan (R&D) kepada syarikat NSE Resources Corporation (NSERC).

Abu Bakar menyifatkan surat pertimbangan merupakan perkara biasa.

"Surat pertimbangan ini biasa. Orang kampung pun bagi. Tapi kena ikut syarat dulu.

"Walaupun menerima surat pertimbangan tersebut namun syarikat perlu memohon dan menepati syarat Mosti terlebih dahulu," katanya seperti dilapor portal Malaysiakini.

Dalam siri pendedahan terbaru skandal pemberian geran R&D bagi tujuan projek komersil, Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli berkata syarikat tersebut bukan sahaja menerima dana sebanyak RM100 juta daripada Mosti tetapi turut menerima geran RM50 juta daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA).

Semalam, Rafizi menunjukkan peratusan surat menyurat di antara syarikat NSERC dan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak yang meminitkan pertimbangan dana sebanyak RM100 juta bagi projek tersebut.

Menurut Abu Bakar dalam sidang medianya hari ini, Mosti langsung tidak berniat menyembunyikan sebarang penerima dana seperti didakwa Rafizi.

"Sampai sekarang syarikat NSERC tak pernah pun memohon dana daripada kita," katanya.

Selain itu, timbalan menteri berkenaan turut mengedarkan tiga jilid buku tebal mengandungi maklumat semua 4,566 penerima dana bernilai RM2.9 bilion dikelolakan Mosti sebahagian daripada Rancangan Malaysia ke-9.

Dalam senarai yang mengandungi 4,000 nama penerima geran, bagaimanapun tidak mempunyai nama syarikat NSERC.

Oleh demikian, Abu Bakar mempersoalkan kesahihan dokumen yang didedahkan pemimpin PKR itu.

"Berdasarkan rekod kementerian, tidak menunjukkan sebarang nama firma syarikat yang diberikan dana lebih daripada RM3 juta untuk jumlah keseluruhan RM 2.9 bilion."

Hari ini Rafizi turut mempersoalkan pemilik syarikat NSERC itu kerana mendapat layanan begitu istimewa sehingga melayakkan ia menerima satu geran daripada dua kementerian.

"Ini merupakan skandal terbesar membabitkan geran penyelidikan dan pembangunan setakat ini.

"Najib perlu menerangkan kepada rakyat apakah hubungan istimewa di antara syarikat itu dan beliau atau siapa sahaja di kalangan pimpinan Barisan Nasional membolehkan NSERC diberi layanan sedimikan rupa," katanya.

Rafizi juga berkata akan membuat satu laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu itu sekiranya masih tiada penjelasan daripada Najib. – 23 April, 2014.

**BERITA ONLINE
THE MALAYSIAN INSIDER**

<http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/bank-rejected-firm-got-rm150-million-from-putrajaya-not-rm100-million-says>

TARIKH: 24 APRIL 2014 (KHAMIS)



**BANK-REJECTED FIRM GOT RM150 MILLION FROM PUTRAJAYA,
NOT RM100 MILLION, SAYS PKR**

BY LEE SHI-IAN

April 23, 2014



PKR today revealed that NSE Resources Corporation (NSERC) Sdn Bhd received an additional grant of RM50 million from Putrajaya, besides an earlier cash injection of RM100 million.

Party strategy director Rafizi Ramli said the RM50 million grant was awarded to NSERC by the Ministry of Energy, Green Technology and Water.

"This shows that a private company like NSERC managed to obtain two separate grants from different ministries to carry out its commercial activities," he said today.

"In fact, the company in its application letter said that its costs were RM130 million, but the RM150 million surpasses that figure," Rafizi (pic) added.

Rafizi yesterday questioned how Putrajaya awarded a RM100 million research and development grant to the company, which banks had refused to finance.

"It is scandalous the way a commercial company like NSERC 'shops' around Putrajaya looking for grants," Rafizi said.

He said he was probing into the issue as there was more to the matter than meets the eye.

"Two large grants from two different ministries to a commercial company? There is definitely more beyond this," he said at a press conference at the PKR headquarters in Petaling Jaya.

"It is clear that somebody is going all out to help this company with the massive cash injections of RM150 million," Rafizi said.

"What is the relationship between this company and the powers-that-be in Putrajaya?" he asked, saying there was a possibility NSERC had received previous grants.

He said he was unsure whether the RM150 million had already been disbursed to NSERC, adding that if that were the case, it might be difficult to retrieve the funds.

"If the RM150 million has not been disbursed to NSERC, then Putrajaya must take action and block the funds from being transferred."

Rafizi also released a letter written by NSERC to the Terengganu Economic Planning Unit, stating that it had received a RM50 million grant.

The RM50 million was awarded to NSERC by the Ministry of Energy, Green Technology and Water under its green technology grant scheme.

The RM100 million was awarded by the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti).

Rafizi said there had been no feedback from Prime Minister Datuk Seri Najib Razak or his office on the matter.

"I received a text message from someone claiming to be an officer attached to Najib. "The officer wanted to meet up with me to clarify and discuss the information which I had exposed about NSERC."

Rafizi said the evidence which he had made public was clear enough and there was no need to sit down to discuss NSERC.

"I am still waiting for an official explanation from Putrajaya regarding this grant scandal and the awarding of public funds to a private firm for commercial activities."

Rafizi suggested that a special panel be established by the Auditor-General's Department to probe into the RM150 million allocations.

"More importantly, Najib should disclose what is the relationship between him or his family members or Umno or Barisan Nasional and NSERC.

"Why has NSERC been given such special treatment that the company can receive RM150 million from two different ministries?"

Yesterday, Rafizi revealed that NSERC had been refused financial assistance from banks and financial institutions.

He said the failure of NSERC to get commercial funding for a gasified steam boiler plant in Kerteh, Terengganu, raised doubts about the viability of the project and Putrajaya's decision-making process.

"This is worse than a bailout because it's free money," Rafizi said, questioning the use of Mosti's RM1.152 billion R&D fund.

Rafizi said if the project was commercially viable, any bank would have given its backing.

"The fact that the owner of this company clearly stated that his project did not get the support of financial institutions is already a red flag," the Pandan MP said.

Rafizi alleged yesterday that Najib had lent his support to NSERC's application for a grant.

The company claimed that it had signed a memorandum of understanding with a South Korean conglomerate (CJ Cheiljedang Corporation) and a French public-listed company (Arkema S.A.) to jointly build the world's first bio-methionine plant in Malaysia worth RM2 billion.

However, due to difficulties in obtaining financial assistance from banks, NSERC applied for a grant from Mosti to ensure it had sufficient cash flow. – April 23, 2014.

**BERITA ONLINE
THE MALAYSIAN INSIDER**

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/nsrec-terima-geran-mosti-rm150-juta-bukan-rm100-juta-kata-pkr>

TARIKH: 24 APRIL 2014 (KHAMIS)




NSERC TERIMA GERAN PUTRAJAYA RM150 JUTA, BUKAN RM100 JUTA, KATA PKR

OLEH DIYANA IBRAHIM

April 23, 2014

UPDATED: Apr 23, 2014 03:03 pm



Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli mendedahkan Putrajaya meluluskan pemberian dana berasingan sebanyak RM50 juta kepada NSE Resources Corporation Sdn Bhd (NSERC) daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti). – Gambar The Malaysian Insider oleh Diyana Ibrahim, 23 April, 2014.

Putrajaya meluluskan pemberian dana berasingan sebanyak RM50 juta daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) kepada NSE Resources

Corporation Sdn Bhd (NSERC), syarikat yang sama dikatakan menerima geran RM100 juta dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti), menjadikan jumlah keseluruhannya RM150 juta, kata PKR.

Pengarah Strategi PKR Rafizi Ramli mendedahkan perkara tersebut berdasarkan rekod syarikat tersebut dalam satu surat kepada kerajaan negeri Terengganu bertarikh 27 Januari 2014.

"Selain daripada dana awam berjumlah RM100 juta di bawah geran R&D yang dikelolakan Mosti, NSERC juga dianugerahkan satu lagi dana berasingan berjumlah RM50 juta daripada daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA). "Salinan surat daripada NSERC kepada Unit Perancang Ekonomi Negara (UPEN) yang dilampirkan bersama," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat PKR di Petaling Jaya, Selangor sebentar tadi.

Semalam Rafizi mengemukakan bukti campur tangan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pemberian geran Mosti untuk membiayai projek komersil.

Rafizi turut mempersoalkan pemilik syarikat NSERC itu kerana mendapat layanan begitu istimewa sehingga melayakkan ia menerima satu geran daripada dua kementerian.

"Ini merupakan skandal terbesar membabitkan geran penyelidikan dan pembangunan setakat ini.

"Najib perlu menerangkan kepada rakyat apakah hubungan istimewa di antara syarikat itu dan beliau atau siapa sahaja di kalangan pimpinan Barisan Nasional membolehkan NSERC diberi layanan sedimikan rupa," katanya.

Rafizi juga berkata akan membuat satu laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung isu itu sekiranya masih tiada penjelasan dariapada Najib.

Katanya sejak daripada pendedahan mengenai skandal tersebut Isnin lepas tiada kenyataan Najib atau kementerian berkait mengenai perkara itu.

"Saya hanya dihubungi melalui sistem pesanan ringkas (SMS) oleh seorang yang mengakui pegawai kepada Najib memohon berbincang mengesahkan maklumat itu," katanya.

Beliau juga mendesak kerajaan untuk menghentikan serta merta kelulusan pemberian dana berjumlah RM150 juta termasuk membentuk panel pakar bebas untuk menilai kandungan penyelidikan dan pembangunan projek komersil dalam syarikat tersebut.

"Kita juga mahu kerajaan menubuhkan satu panel khas dari Jabatan Ketua Audit negara untuk menyiasat serta merta keputusan tersebut," katanya. – 23 April, 2014.

**BERITA ONLINE
THE MALAY MAIL ONLINE**

<http://www.themalaymailonline.com/malaysia/article/putrajaya-doled-out-rm150m-for-rm130m-project-rejected-by-banks-rafizi-alle>

TARIKH: 24 APRIL 2014 (KHAMIS)



PUTRAJAYA DOLED OUT RM150M FOR RM130M PROJECT REJECTED BY BANKS, RAFIZI ALLEGES

BY SHAZWAN MUSTAFA KAMAL

APRIL 23, 2014



Rafizi Ramli continued his revelations about the alleged abuse of public funds involving grants to NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd today. — file picture

PETALING JAYA, April 23 — Putrajaya separately gave RM50 million on top of a RM100 million research and development grant to a company that had been refused a commercial loan, PKR's Rafizi Ramli claimed today as he continued his revelations about the alleged abuse of public funds involving grants to NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd.

Yesterday, the Pandan MP alleged that Putrajaya had awarded NSE RM100 million for a project that had been refused funding by commercial banks.

Today, Rafizi produced a letter from the company to the Terengganu state government, dated January 27, which stated that besides the RM100 million grant by the Science, Technology and Innovation Ministry's (MOSTI), the Energy, Green, Technology and Water Ministry had also agreed to dole out RM50 million for the same project — a gasifier steam boiler plant in Kerteh, Terengganu.

'Two ministries gave out separate grants for a private company for its commercial project,' he told reporters here.

Rafizi said that the total amount of both grants — RM150 million — exceeded the estimated cost of the project (RM130 million) by NSE Resources Corp.

Rafizi said none of the ministries named have contacted him since the revelations were made public but added that someone claiming to be from Prime Minister Datuk Seri Najib Razak's office had called him.

Rafizi urged the Auditor-General to form a special panel to probe the matter, and for PM Najib to explain how the grants could have been awarded to the company.

"If there is no answer from Datuk Seri Najib's people, I will lodge a report with the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) next week," Rafizi said.

On Sunday, MOSTI denied allegations that its research grants had been abused. Deputy Minister Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah said the ministry adheres to tight procedures that include expert and professional evaluation before any grant is made. Rafizi claims that the RM1.152 billion spent by MOSTI between 2009 and 2013 was not commensurate with the results, producing just 20 commercialised products.

**BERITA ONLINE
FREE MALAYSIA TODAY**

<http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2014/04/23/rafizi-nse-resources-received-additional-rm50-million-grant-2/>
TARIKH: 24 APRIL 2014 (KHAMIS)



RAFIKI: NSE RESOURCES RECEIVED ADDITIONAL RM50 MILLION GRANT

Alyaa Azhar

April 23, 2014

Rafizi Ramli reveals that a further RM50 million was provided to NSE Resources by Energy, Green Technology and Water Ministry above the RM100million.



PETALING JAYA: NSE Resources Corporation Sdn Berhad received not only RM100 million in the form of a grant from the Science, Technology and Innovation Ministry (Mosti), but an additional RM50 million from the Energy, Green Technology and Water Ministry (Kettha).

PKR strategy director Rafizi Ramli said this was evident from a letter from NSE Resources to the Terengganu government informing them that Kettha had approved a green technology financing scheme worth RM50 million.

Rafizi however said it is more scandalous now since the sum extended to the company was more than what it needed for the project which is only RM130 only.

"Grants and not loans of RM150 million is beyond belief," he said.

Rafizi had earlier revealed that Prime Minister Najib Tun Razak had ordered Mosti to award RM100 million in the form of a grant to NSE Resources.

Rafizi also said since Monday's revelation, Najib had not come out with a statement to explain matters.

"I was only contacted via an SMS from someone who claimed to be the Prime Minister's official asking for a discussion.

"That seems to be the way these days. They send messengers to speak confidentially with you," said Rafizi.

The Pandan MP however stressed that matters must be discussed in full view to the public since it involves public interest.

"I am still waiting for explanation on the issue which I think is the biggest grant scandal.

Rafizi said he also believed that there was ample time for an intervention to ensure the money was not disbursed to NSE Resources.

"This is why it is important to blow this to the public because with public pressure, the Prime Minister has no choice but to reverse the approval of the funds to the company."

Rafizi then pushed for a special panel from the Auditor-General's Department to investigate the matter.

Elaborating on Najib's silence, Rafizi said it was only natural for people to speculate because there seemed to be a special relationship between NSE Resources and the Prime Minister since the company was the only company which has received grants from different ministries.

"But I do not expect for him to respond since he never does. As such, if he still keeps mum, I will lodge a report at the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) next week."

Rafizi yesterday said that NSE Resources (in its working proposal) had clearly pointed out that it will not be able to obtain a bank loan and requested Mosti to approve the RM 100 million through a grant approval.